



SIARAN MEDIA

RANG UNDANG-UNDANG PEMULIHARAAN HIDUPAN LIAR (PINDAAN) 2021 & RANG UNDANG-UNDANG HARTA PUSAKA KECIL (PEMBAHAGIAN) (PINDAAN) 2021 DILULUSKAN OLEH DEWAN RAKYAT

KeTSA telah membentangkan Rang Undang-Undang (RUU) Pemuliharaan Hidupan Liar (Pindaan) 2021 dan RUU Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) (Pindaan) 2021 semasa Mesyuarat Kedua, Penggal Keempat, Parlimen Keempat Belas pada hari ini. Kedua-dua RUU telah dibahaskan dan diluluskan oleh Dewan Rakyat.

RUU Pemuliharaan Hidupan Liar (Pindaan) 2021 adalah bagi meminda Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716] yang mengawal selia perlindungan dan pemuliharaan hidupan liar serta perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Pindaan yang dilaksanakan ini merupakan suatu usaha ke arah meningkatkan keberkesanan perundangan konservasi hidupan liar. Ia menunjukkan keprihatinan Kerajaan bagi menjamin kelangsungan khazanah hidupan liar negara yang tidak ternilai.

RUU Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) (Pindaan) 2021 pula bertujuan untuk meminda Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 [Akta 98] bagi memperluaskan definisi harta pusaka kecil yang meliputi semua jenis harta dan tidak lagi tertakluk kepada syarat si mati mesti meninggalkan harta tak alih sahaja, selain peningkatan nilai bidang kuasa dipinda daripada RM2 juta kepada RM5 juta. Peningkatan nilai ini dapat memberikan lebih kemudahan kepada rakyat apabila tidak perlu menguruskan pembahagian harta pusaka di Mahkamah yang memerlukan mereka mendapatkan khidmat guaman yang melibatkan jumlah kos yang lebih tinggi.

Pindaan ini merupakan suatu obligasi dan tanggungjawab Kerajaan dalam membantu dan memudahkan urusan kepada rakyat yang memerlukan. Sebelum ini, rakyat terpaksa menanggung kos yang tinggi untuk mengurus harta pusaka terutamanya jika si mati hanya meninggalkan harta alih sahaja, kini Kerajaan dapat menawarkan perkhidmatan pengurusan harta pusaka dengan kadar yang rendah dan tidak membebankan.

**YB DATUK SERI TAKIYUDDIN BIN HASSAN
MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI**

26 OKTOBER 2021

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Tenaga dan Sumber Asli
No. Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763 | Web : www.ketsa.gov.my

